

TAKLIMAT PEMBERIGAAAN PERINTAH KANUN TANAH (PINDAAN) 2025

Hari Sabtu, 22 Safar 1447H bersamaan 16 Ogos 2025M

Kementerian Pembangunan meneruskan lagi siri taklimat pemberigaaan Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025 pada dua sesi berbeza kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dilantik pada 14 Ogos 2025 dan Mahkamah-Mahkamah Sivil dan Syariah pada 16 Ogos 2025 yang lepas.

Taklimat pemberigaaan yang diadakan ini merupakan usaha berterusan Kementerian bagi memberikan penjelasan dan ketelusan mengenai pemahaman mengenai pemilikan dan pegangan tanah orang bukan rakyat Brunei dan golongan *stateless*.



Sesi bergambar ramai semasa taklimat bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dilantik semasa Taklimat Pemberigaaan Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025 pada 14 Ogos 2025.

Taklimat pemberigaaan tersebut disampaikan oleh Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Dayang Nuruljannah binti Haji Alim, Pemangku Ketua Divisyen Guna Tanah, Perumahan dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan dan Dayang Amal Hayati binti Haji Junaidi, Pegawai Tanah Kanan daripada Jabatan Tanah.

Satu sesi soal jawab juga diadakan untuk memberi peluang kepada jemputan yang hadir untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025 yang telahpun dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2025.



Turut hadir semasa taklimat bersama Mahkamah-Mahkamah Sivil dan Syariah pada 16 Ogos 2025 adalah Yang Amat Arif/ Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Awang Hai Besar, Ketua Hakim Syarie; Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar; Yang Arif Muhammed Faisal Pehin Datu Juragan Laila Diraja Kolonel (B) Dato Seri Pahlawan Haji Kefli, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar; Yang Arif Awang Haji Muhammad Bahrin Bin Haji Alias, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan